



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	31/05/2012

## 'Tindakan biasa Anwar tutup kes Setiausaha Sulit'

84-31/5/2012

**K**UALA LUMPUR: Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan pendedahan Raja Petra Kamarudin mengenai pembabitatan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam menutup kes rasuah membabitkan Setiausaha Sulitnya, Mohamed Azmin Ali bukan perkara yang luar biasa.

Bekas Perdana Menteri berkata, adalah menjadi kebiasaan bekas timbalannya itu memberi arahan kepada mana-mana anggota keselamatan untuk memenuhi agenda peribadi.

"Kalau dia mengarah itu bukan sesuatu yang luar biasa kerana dia biasa arah pegawai polis untuk menakutkan orang, itupun dia biasa buat," katanya.

Diminta mengulas lanjut, Dr Mahathir berkata, Anwar pernah mengarahkan pegawai polis untuk menakutkan orang ramai dalam beberapa kes termasuk menakutkan Ummi Hafilda dan seorang doktor gigi ketika perbicaraan.

"Dia (Anwar) suruh (polis) yang hadir ketika perbicaraan itu pergi gempak (menakutkan) doktor yang sudah meninggal (yang juga) doktor gigi dengan Ummi Hafilda, dia guna kuasa polis dengan cara salah," katanya pada sidang media selepas berucap pada persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-26, di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Institut

Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Tan Sri Mohamed Jawhar Hassan.

Akhbar semalam melaporkan pendedahan Raja Petra yang mendakwa Anwar yang juga Menteri Kewangan ketika itu mengarahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) tidak mengambil tindakan lanjut (NFA) ke atas Azmin dan menghapuskan fail siasatan walaupun mempunyai cukup bukti untuk menahan dan mendakwanya.

Ditanya mengenai tindakan membocorkan fail sulit kerajaan, Dr Mahathir berkata, selagi ada teknologi moden termasuk mesin fotostat, sukar untuk kerajaan menyimpan rahsia kerana akan ada pihak yang membocorkannya.

"Nasib baik kita belum sampai kepada tahap seperti negara lain yang mana apabila ada yang berhenti (daripada perkhidmatan), akan ada yang menceritakan semua rahsia.

"Sebab itu susah bagi kita nak percaya kepada sesiapa pun, telus ada hadnya, jangan telus sampai kita nak bercakap dalam rumah pun tak boleh," katanya.

Mengenai peletakan jawatan Datuk Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir selaku Pengarah Urusan Kumpulan PROTON Holdings Bhd, beliau berkata, pergolakan dan konflik tidak dapat dielakkan bagi setiap perubahan



DR MAHATHIR menandatangani buku peserta Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik ke-26 di Kuala Lumpur, sambil diperhatikan Mohamed Jawhar (kiri).

yang berlaku.

"Tetapi kita harap pergolakan tidak berterusan dan berpanjangan," katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, kerajaan memerlukan kemahiran lebih baik untuk mentadbir urus negara kerana kelemahan hanya akan mengundang pelbagai masalah dan kemusnahan kepada masyarakat.

Beliau berkata, demokrasi bukan satu sistem yang mudah untuk

mentadbir urus dan melaksanakan dasar kerana banyak perkara turut mengiringinya, termasuk hak asasi manusia dan pelbagai bentuk kebebasan yang boleh membawa kepada kemusnahan dan ketidakstabilan.

Diminta mengulas pada sidang media, beliau berkata, kerajaan memerlukan kemahiran luar biasa untuk menangani cabaran dan tuntutan daripada pelbagai golongan seiring perkembangan dunia.

● ROSDAN WAHID | BERITA HARIAN